



KENYATAAN MEDIA
ZAIRULSHAHFUDDIN ZAINAL ABIDIN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ISLAMIC RELIEF MALAYSIA

Untuk Hebahan Segera

23 FEBRUARI 2019

IRM RAI TAHUN BAHARU CINA BERSAMA PENERIMA MANFAAT

PETALING JAYA – Berlandaskan nilai keadilan sosial yang menjadi pemacu utama dalam menunaikan tanggungjawab sosial dan kemasyarakatan, Islamic Relief Malaysia (IRM) menyantuni dan meraikan seramai 70 penerima manfaat di pusat jagaan Lovely Nursery Centre menerusi program Share The Joy 2019.

Uniknya, program yang disambut sempena Tahun Baharu Cina itu turut melibatkan ibu tunggal, anak yatim, warga emas, pesakit kritikal, Orang Kurang Upaya (OKU), dan penerima manfaat lain yang tinggal di pusat jagaan itu. Penghuni rumah tersebut meliputi pelbagai bangsa iaitu Cina, India, dan Melayu berumur lingkungan 23 sehingga 94 tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif IRM, Zairulshahfuddin Zainal Abidin menegaskan bahawa sambutan Tahun Baharu Cina disambut setiap tahun selaras dengan misi kemanusiaan IRM itu sendiri yang menyantuni penerima manfaat tanpa mengenal bangsa, agama, dan umur.

“Sambutan Tahun Baharu Cina ini adalah program tahunan kami yang sebenarnya kita tunaikan atas dasar misi kemanusiaan tanpa melihat warna kulit, kepercayaan, umur dan juga jantina.

“Ia juga bertujuan untuk membina hubungan yang lebih rapat antara komuniti bangsa Cina dengan kakitangan IRM termasuklah para sukarelawan kami dalam mewujudkan suasana harmoni memandangkan Malaysia adalah negara majmuk yang merangkumi pelbagai kaum.

“Kami juga ingin memastikan bahawa amanah dan tanggungjawab yang digalas dapat disalurkan kepada penerima manfaat yang kurang bernasib baik agar mereka terus disantuni dan mendapat perhatian masyarakat sekeliling,” jelas Zairulshahfuddin mengenai program Share The Joy.

Sepanjang program Share The Joy berlangsung, ia turut diserikan dengan kemeriahannya aktiviti-aktiviti menarik termasuklah manicure, gunting rambut bagi lelaki, origami, boling, hiasan kek muffin, tulisan kaligrafi Cina, dan aktiviti kecantikan.

Ikon Kemanusiaan IRM, Irma Hasmie dan Kumpulan Saujana turut hadir bagi memeriahkan program tersebut sekaligus menyemarakkan lagi semangat kemanusiaan untuk terus menyantuni penerima manfaat.

Mengenai Islamic Relief (IR)

Islamic Relief (IR) adalah sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang bebas. IR beribu pejabat di United Kingdom dan ditubuhkan pada tahun 1984. IR telah berkhidmat di lebih dari 45 buah negara, membantu lebih daripada 120 juta orang. IR juga mempunyai rangkaian tetap di lebih 30 buah negara merangkumi 100 buah cawangan di seluruh dunia. Skop bantuan IR merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan penubuhan Islamic Relief Malaysia (IRM) pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan IR di rantau Asia-Pasifik. Kini, IRM berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek (antarabangsa & tempatan)

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan IRM, sila layari laman web rasmi IRM iaitu atau hubungi IRM di talian tetap 03-8926 3434.

Bagi mereka yang ingin membuat sumbangan, salurkan sumbangan anda ke nombor-nombor akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia :

MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704

CIMB ISLAMIC | 860 2073818

BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3

AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4

BANK RAKYAT | 11080 10000 35

atau melalui :

CHARITY SHOPPE | TUNAI / KAD KREDIT

MOBILE APPS | IR Malaysia

Zairulshahfuddin Zainal Abidin

Ketua Pegawai Eksekutif

Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

**Dikeluarkan oleh,
Islamic Relief Malaysia (IRM)-Reg No: 657354-W
A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,
Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Unit Media**
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau
emel: Malaysia.Media@islamic-relief.org.my